

Novel Melayu dalam Pelbagai Perspektif

Kamariah Kamarudin

Serdang: Penerbit Universiti Putra Malaysia, 2014, 272 halaman, ISBN 978-967-344-410-6

Kesusasteraan Melayu di Malaysia pada hari ini semakin berkembang seiring dengan perkembangan teori dan kritikan sastera tanah air yang semakin mendapat perhatian para sarjana dan pengkaji sastera Melayu. Kajian kesusasteraan Melayu pada masa kini banyak menggunakan teori Barat dan teori Islam bagi menganalisis karya sastera. Bersesuaian dengan agama, amalan dan budaya masyarakat Melayu yang sememangnya beragama Islam, maka teori dan konsep Islam semakin mendapat perhatian dan banyak kajian dilakukan pelbagai peringkat kajian di universiti. Selain novel-novel serius yang mendapat perhatian khalayak, novel popular juga semakin mendapat tempat dalam arus perkembangan sastera di Malaysia. Ia mendapat perhatian pengkaji-pengkaji sastera terutamanya ditinjau daripada perspektif pengkomersialan karya sastera.

Kehadiran buku *Novel Melayu dalam Pelbagai Perspektif* (2014) oleh Kamariah Kamarudin ini, menambahkan lagi hasil kajian kesusasteraan Melayu yang berhubung dengan konsep dan nilai Islam, sastera Islam, pendidikan sastera dan sastera popular. Buku ini mengandungi 13 Bab yang dibahagikan kepada tiga bahagian iaitu Bahagian 1: Novel Melayu dan Pendidikan Sastera, Bahagian 2: Novel Melayu dan Sastera Islam, dan Bahagian 3: Novel Melayu dan Sastera Popular. Setiap analisis dalam bab-bab buku ini merungkaikan novel-novel Melayu terpilih dari sudut pendidikan sastera, sastera Islam dan sastera popular. Enam makalah dalam Bahagian 1 ialah “Bandingan Persejarahan Hubungan Kaum Melayu-Cina dalam Novel-novel Melayu Pilihan”, “Konsep Merantau dalam Novel-novel Melayu Mutakhir”, “Martabat Wanita Islam dalam Pelestarian dan Pembangunan Peradaban Insan: Satu Analisis Berdasarkan Novel *Sudara* dan *Surat-surat Perempuan Johor*”, “Perlu atau Tidak Novel Popular dalam Arus Pendidikan Negara?”, “Risalah Tarbiah dalam Tradisi dan Pengalaman Kepengarangan Islam sebagai Teras Pemikiran dan Pengucapan: Penelitian terhadap Pengarang Muslimah Mutakhir Pilihan”, “Tarbiah Remaja dalam Novel *Kasih Nan Agung* dan *Impuls/Roh* Karya Sri Rahayu Mohd Yusop.” Bahagian 2 pula terdiri daripada empat makalah, iaitu “Hubungan Manusia dengan Manusia dan Hubungan Manusia dengan Pencipta dalam Novel *Dan Malam, Apabila Ia Berlalu* dan *Masuk ke dalam Cahaya* Karya Abdullah Hussain”, “Konsep Qudwah Hasanah Wanita Islam dalam Pemerikasaan Ummah: Suatu Analisis Terhadap Novel-novel Melayu Mutakhir”, “Ilham Surah al-Fajr dalam Kreativiti Novel *Dan Malam, Apabila Ia Berlalu* Berdasarkan Beberapa Tanggapan”, dan Nilai Tarbiah dan Islah Wanita Melayu Islam Pascamerdeka: Satu Analisis Terhadap Novel *Tunggu Teduh Dulu* dan *Surat-surat Perempuan Johor*.” Bahagian 3, iaitu bahagian terakhir pula mengandungi tiga makalah “Antara Komersialisme dengan Intelektualisme dalam Novel *Getaran Rindu*”, “Antara Novel Popular, Sastera Popular dan Penulis Popular” dan “Tema dalam Novel-novel Popular: Analisis terhadap Novel-novel Pilihan Norhayati Berahim.”

Permulaan Bab 1 membincangkan tajuk “Bandingan Persejarahan Hubungan Kaum Melayu-Cina dalam Novel-novel Melayu Pilihan.” Makalah ini membandingkan persejarahan hubungan kaum Melayu-Cina dalam novel terpilih iaitu *Jalan Seribu Liku* (1999), *Imam* (1995),

Silir Daksina (2005), *Warisnya Kalbu* (2007), *Justeru Impian di Jaring* (2007), *Jendela Menghadap Jalan* (2009), *Tunggu Teduh Dulu* (2005) dan *Wi & William* (1995). Perbincangan dalam makalah ini memperlihatkan hubungan antara kaum Melayu dan Cina dalam novel-novel Melayu tanah air sebagai usaha bandingan persejarahan dua kaum terbesar di Malaysia dalam teks kajian. Pemaparan watak kaum Cina dalam karya kesusasteraan ini memperlihatkan semangat perpaduan dalam kalangan masyarakat majmuk di Malaysia. Hubungan antara kaum diperlihatkan dalam konteks agama, budaya, sosial, dan ekonomi. Kesimpulannya mengajukan bahawa watak-watak kaum Cina dalam novel Melayu memperkukuhkan hubungan kaum Cina dengan kaum Melayu dan seterusnya dapat membangunkan negara sejak zaman selepas merdeka sehinggalah kini.

Bab 2 dalam buku ini pula meneliti “Konsep Merantau dalam Novel-novel Melayu Mutakhir.” Empat buah novel, iaitu *Salju Sakinah* (2008), *Baromkeh Matamu Matak* (2008), *Hidayah Cinta* (2008), *Dingin Salju Indiana* (2010) dan *Bara Cinta Canberra* (2010) dianalisis menggunakan konsep merantau dalam tiga bahagian, iaitu merantau dan ilmu pengetahuan, merantau dan pengalaman, serta merantau dan persahabatan. Memandangkan novelis yang dibincang secara peribadi memang pernah merantau ke luar negara, maka tidak menghairankan apabila cerita yang berlegar pada kisah perantauan menjadi begitu hidup dan segar. Makalah menyimpulkan bahawa pengalaman peribadi para novelis memungkinkan mereka memperdalamkan konsep merantau dalam karya mereka dengan memberikan makna tambahan apabila soal merantau itu sendiri diserlahkan melalui aspek ilmu pengetahuan, pengalaman dan persahabatan dan cabaran hidup di perantauan.

Seterusnya Bab 3 bertajuk “Martabat Wanita Islam dalam Pelestarian dan Pembangunan Peradaban Insan: Satu Analisis Berdasarkan Novel *Sudara* dan *Surat-surat Perempuan Johor*” memfokuskan perbincangan terhadap golongan wanita Islam yang mempunyai akhlak mulia dan kedudukan yang tersendiri dalam hierarki masyarakat. Analisis mengangkat kedudukan wanita Islam dalam pelestarian dan pembangunan peradaban insan dengan mengajukan martabat wanita Melayu Islam sebagai *uswah* (model) dan *qudwah* (kepimpinan) yang berdaya maju, beriltizam tinggi dan berakhlak mulia. Makalah ini merumuskan bahawa akhlak mulia dan murni yang dimiliki wanita Melayu Islam mengukuhkan lagi kepentingan kedudukan mereka dalam membangunkan manusia ke arah insan kamil, seterusnya memperkasakan masyarakat dalam negara. Oleh yang demikian, makalah menghujahkan bahawa nilai-nilai tersebut dapat dijadikan sebagai panduan dalam mengukuhkan lagi martabat wanita Islam sebagai *uswah* dan *qudwah*.

Perbincangan tajuk seterusnya, “Perlu atau Tidak Novel Populer dalam Arus Pendidikan Negara” dalam Bab 4 menjelaskan hubungan unsur pendidikan yang harus dikaji dan dikenalpasti dalam novel sejajar dengan Dasar Pendidikan Negara. Persoalan yang diutarakan penulis adakah kandungan novel populer yang ada dalam pasaran hari ini dapat mendukung hasrat dasar berkenaan. Menurut makalah ini juga, hubungan antara manusia dengan manusia, hubungan antara manusia dengan Pencipta, dan hubungan manusia dengan alam sekeliling perlu dipraktikkan dalam melahirkan modal insan demi membangunkan masyarakat berteraskan konsep kesempurnaan insan (insan kamil) dari perspektif Islam. Makalah ini jelas sekali mengemukakan bahawa sesebuah karya sastera itu perlu mempunyai nilai-nilai yang baik dan mampu mengangkat karya tersebut sebagai satu hasil sastera yang memberi impak positif kepada khalayak. Namun demikian, makalah ini tidak merumuskan secara khusus sama ada novel populer yang dikaji sesuai untuk disenaraikan sebagai bahan bacaan dalam kurikulum sekolah.

“Risalah Tarbiah dalam Tradisi dan Pengalaman Kepengarangan Islam sebagai Teras Pemikiran dan Pengucapan: Penelitian Terhadap Pengarang Muslimah Muktakhir Pilihan”

dibincangkan dalam Bab 5. Beberapa karya penulis muslimah mutakhir iaitu Salina Ibrahim, Sri Rahayu Mohd Yusop, Nisah Haron, Ummu Hani Abu Hassan, dan Siti Hajar Mohd Zaki diteliti dalam menganalisis tentang risalah tarbiah ini. Secara umum urusan tarbiah dan pembacaan jarang dilihat sebagai satu bentuk pendidikan yang dapat membantu kehidupan dengan berkesan. Dua nilai tarbiah dihuraikan dalam kajian ini iaitu nilai tarbiah dan cita-cita, serta nilai tarbiah dan cinta. Analisis turut memperlihatkan bahawa hubungan antara wanita dan karya sastra menawarkan suatu bentuk jaringan yang menarik yang secara tidak langsung dapat mengangkat martabat wanita. Menurut pengkaji ia dilakukan menerusi pengalaman latar belakang pendidikan, penguasaan pembacaan dan ilmu pengetahuan para penulis tersebut. Mereka berupaya mengungkapkan risalah tarbiah dalam karya mereka, iaitu tarbiah dalam cita-cita dan tarbiah dalam cinta bagi mendorong masyarakat ke arah insan al-Kamil.

Makalah dalam Bab 6: “Tarbiah Remaja dalam Novel *Kasih Nan Agung* dan *Impuls/Roh* Karya Sri Rahayu Mohd Yusop” pula membincangkan tentang tarbiah remaja dalam dua buah novel ciptaan penulis Sri Rahayu Mohd Yusop. Tujuan kajian adalah untuk melihat sejauh mana perkembangan novel remaja dalam dunia kesusasteraan Melayu dan mengenalpasti sejauh mana novel *Kasih Nan Agung* (2009) dan *Impuls/Roh* (2010) menepati tarbiah terhadap golongan remaja. Nilai “tarbiah” yang dihuraikan ialah tarbiah iman, tarbiah akhlak, tarbiah intelektual, tarbiah psikologi, dan tarbiah sosial. Kesimpulan jelas merumuskan bahawa kedua-dua teks kajian telah menyediakan ruang dan peluang untuk golongan remaja mempelajari ‘pentarbiahan’ diri dan hal ini sangat penting sebagai panduan remaja dalam menjalani kehidupan di dunia yang penuh pancaroba ini. Penulis menegaskan iman, akhlak intelektual, psikologi dan sosial sangat penting dijadikan sebagai satu bentuk tarbiah kepada remaja agar mereka sedar tentang nilai-nilai murni yang harus mereka ikuti dan seterusnya boleh dijadikan panduan dalam kehidupan mereka. Kesimpulan makalah menjelaskan bahawa tarbiah remaja ada diperlihatkan dalam kedua-dua novel Sri Rahayu Mohd Yusop tersebut sama ada dari segi tersurat mahupun tersirat, dan tarbiah ini merangkumi soal iman, akhlak, intelektual, psikologi dan sosial. Kesimpulan makalah akan menjadi lebih jelas dan mantap sekiranya dibuat rumusan secara ringkas apakah nilai tarbiah remaja secara tersurat dan tersirat tersebut.

Selanjutnya Bahagian 2 mengemukakan Bab 7 berjudul “Hubungan Manusia dengan Manusia dan Hubungan Manusia dengan Pencipta dalam Novel *Dan Malam Apabila Ia Berlalu* dan *Masuk ke dalam Cahaya*”. Dalam makalah ini, pengarang memperlihatkan ilmu yang amat penting dalam kehidupan manusia berpandukan ajaran agama Islam, iaitu habluminnas dan habluminallah. Kajian melihat sejauh mana nilai yang berkaitan hubungan manusia dengan manusia, dan hubungan manusia dengan Allah dikemukakan dalam dua buah teks kajian tersebut, iaitu *Dan Malam Apabila Ia Berlalu* (2006) dan *Masuk ke dalam Cahaya* (1997). Analisis menggunakan teori Takmilah untuk meneliti hubungan manusia dengan manusia berdasarkan empat aspek, iaitu menyebarkan dakwah, menyelesaikan masalah, memartabatkan al-Qur’an dan menjalin ukhwah. Hubungan manusia dengan Tuhan pula dikaitkan dengan dua aspek sebagai tugas manusia untuk mendekati diri dengan Tuhan, iaitu dengan cara berdoa serta mengukuhkan ilmu agama Islam dalam diri sendiri. Kajian ini merumuskan bahawa kedua-dua novel ini berupaya membangunkan pekerti dan peribadi manusia yang tekal insani dan terpuji dalam peradaban agama, nusa dan bangsa berdasarkan hubungan manusia dengan manusia, serta hubungan manusia dengan Allah.

Makalah seterusnya dalam Bahagian 2 bertajuk “Konsep Qudwah Hasanah Wanita Islam dalam Pemeraksanaan Ummah: Suatu Analisis Terhadap Novel-novel Melayu Mutakhir” dikemukakan dalam Bab 8. Terdapat lima novel yang dikaji, iaitu *Delima Ranting Senja* (2009)

oleh Siti Zainon Ismail, *Episod Tanah Hijrah* (2009) oleh Amaruszati Noor Rahim, *Lanteria Mustika* (2009) oleh Nisah Haron, *Seteguh Fikrah Saleha* (2008) oleh Aminah Mokhtar dan *Baromkeh Matamu di Mataku* (2008) oleh Ummu Hani Abu Hassan bagi melihat pengukuhan watak wanita sebagai penggerak utama dalam agama, diri sendiri, kerjaya, keluarga dan masyarakat. Makalah mengajukan ciri-ciri yang perlu ada dalam setiap diri muslimah bagi melahirkan konsep qudwah hasanah ialah iman, akhlak, ihsan, ukhuwah, penghayatan syura, muafakat dan kerjasama, toleransi, bersedia menerima pandangan orang lain, dan *syaja'ah* (berani). Daripada ciri-ciri tersebut, dikaitkan pula hubungan wanita muslimah dengan lima perkara dalam kehidupan, iaitu agama, diri sendiri, kerjaya, keluarga dan masyarakat.

Bab 9 dengan judulnya “Ilham Surah Al-Fajr dalam Kreativiti Novel *Dan Malam Apabila Ia Berlalu* Berdasarkan Beberapa Tanggapan” turut menyorot karya sastera dari perspektif Islam. Kajian ini bertujuan untuk memperlihatkan gagasan al-Qur'an dijadikan tunjang dalam pengkaryaan. Karya Abdullah Hussain ini mengungkapkan jalur perjalanan manusia supaya menghargai suasana “malam” atau menghayati falsafah yang terkandung dalam Surah Al-Fajr yang menyebut tentang “malam” bagi menuju “kesempurnaan” dalam kehidupan. Novel *Dan Malam Apabila Ia Berlalu* memperlihatkan gagasan al-Qur'an dijadikan tunjang dalam pengkaryaan. Makalah ini menegaskan dengan menggunakan atau menjadikan surah Al-Fajr yang mengandungi 30 ayat sebagai panduan, novel menggarap dua konsep utama iaitu nilai penghambaan dan nilai pemimpin untuk memperlihatkan mesej dari sudut kesejahteraan dalam masyarakat. Nilai penghambaan dijelaskan melalui ketaatan manusia terhadap Allah SWT, manakala nilai pemimpin digalurkan melalui ketaatan pemimpin terhadap Allah dengan menjalankan kewajibannya sebagai khalifah di muka bumi ini. Selain lelaki, wanita turut diutarakan sebagai peneraju kepimpinan bagi menyelesaikan masalah yang berkaitan dengan kaum wanita.

Seterusnya “Nilai Tarbiah dan Islah Wanita Melayu Islam Pascamerdeka: Satu Analisis Terhadap Novel *Tunggu Teduh Dulu* dan *Surat-Surat Perempuan Johor*” dianalisis dalam Bab 10 buku ini. Bab ini menghujahkan karya sastera yang dihubungkan dengan wanita, menawarkan suatu bentuk jaringan yang menarik; justeru wanita diletakkan sebagai watak utama dan penting dalam karya. Golongan wanita diketengahkan untuk memperlihatkan betapa peranan mereka sangat penting dalam kehidupan manusia di dunia ini, iaitu merangkumi aspek agama, budaya, ekonomi dan sosial. Bab ini menegaskan bahawa dalam kedua-dua novel, wanita yang mempunyai pendidikan yang sempurna dilihat dapat memainkan peranan mereka dengan lebih berkesan dalam proses dakwah dalam masyarakat. Hal ini disebabkan proses dakwah memerlukan mereka sentiasa peka dan mendalami perkara-perkara yang berkaitan dengan pendidikan. Menurut bab ini lagi, kedua-dua teks kajian didapati telah menjelaskan makna dan pengertian mengenai wanita muslimah yang berjiwa besar, berdaya saing, berakhlak tinggi dan beramal soleh. Seterusnya, bab ini merumuskan melalui peribadi dan pendidikan yang bertunjangkan agama Islam yang kukuh, golongan wanita pascamerdeka dapat memberi sumbangan yang besar dalam arus pembangunan negara.

Seterusnya Bahagian 3 dalam buku ini mengemukakan tiga bab. Bab 11 yang bertajuk “Antara Komersialisme dengan Intelektualisme dalam Novel *Getaran Rindu*” melihat perkembangan kesusasteraan Melayu yang menyaksikan kemunculan pelbagai genre karya yang terdiri daripada novel, cerpen, puisi, drama, dan lain-lain. Karya sastera, tegas bab ini, merupakan wadah yang mencorakkan gagasan pemikiran insani dengan makna yang berlapis-lapis (tersurat dan tersirat). Di samping itu, ia membandingkan antara nilai komersialisme dengan nilai intelektualisme dalam pengungkapan karya sastera oleh seseorang pengarang.

Sehubungan itu, permasalahan dalam kajian ini mengupas soal nilai komersialisme dengan nilai intelektualisme dalam novel *Getaran Rindu* (2006) oleh Norzailina Nordin. Aspek komersialisme dilihat dari segi persoalan cinta antara lelaki dan wanita, persoalan cinta tiga segi, manipulasi kecantikan wanita, gaya bahasa yang mudah, plot yang ringan, kisah wanita lara, kemabukan teknologi, kehidupan kota raya, pergaulan bebas muda-mudi, dan kerjaya *glamour*. Nilai intelektualisme pula dianalisis melalui aspek watak yang berpelajaran tinggi, hubungan keluarga berteraskan agama, serta latar luar negara.

Berikutnya Bab 12 mengemukakan tajuk “Antara Novel Popular, Sastera Popular dan Penulis Popular.” Pertumbuhan novel popular di Malaysia lantaran permintaan yang tinggi daripada pembaca. Persoalan tentang penulis yang hanya menitikberatkan nilai estetika yang dapat memberi kepuasan hiburan semata-mata kepada pembaca berbanding manfaat yang diperolehi pembaca dikaji dalam makalah ini. Penelitian ini turut menumpukan analisis terhadap faktor pertumbuhan novel popular, fungsi novel, kedudukan novel popular di Malaysia, peranan dan strategi penerbit dalam memasarkan novel popular. Menurut kajian ini, novel popular sewajarnya memaksimumkan nilai-nilai rohani di samping jasmani untuk meningkatkan kualiti novel berkenaan agar kedudukannya lebih berhema dan bermaruah. Nilai-nilai rohani didapati sangat perlu dalam penggarapan cerita dalam novel popular di samping memurnikan juga nilai-nilai jasmani.

Makalah bertajuk “Tema dalam Novel-Novel Popular: Analisis Terhadap Novel-novel Pilihan Norhayati Berahim” terdapat dalam bab terakhir, iaitu Bab 13. Kajian ini meneliti sejauh mana tema dalam novel-novel popular hadir sebagai pengukuh inti pati pengkaryaan konsep novel popular. Tiga buah novel karya Norhayati Berahim dijadikan sebagai teks kajian, iaitu novel *Sentuhan Kasih* (2003), *Nota Cinta Buatmu* (2006) dan *Terima Kasih Kekasih* (2007). Analisis mengenal pasti tiga tema bercirikan popular yang dikemukakan dalam teks kajian iaitu tema cinta, tema perjuangan wanita alaf baharu, dan kehidupan warga kota. Tema cinta didapati mendominasi ketiga-tiga buah karya Norhayati Berahim sebagai tema utama, dengan itu membenarkan tanggapan bahawa ia memang digemari sebagai isian karya berbentuk popular. Walaupun novel popular didapati mengangkat tema-tema yang bersifat ringan, namun kemunculan novel popular turut memberi kesan kepada novel-novel serius. Novel-novel popular telah memberikan saingan yang sihat kepada novel-novel serius agar novel-novel serius lebih giat dalam aspek promosi dan pemasarannya. Hal ini penting bagi memastikan novel-novel serius ini mendapat publisiti yang meluas serta mendapat tempat yang baik dalam pasaran masa kini.

Perbincangan tentang buku *Novel Melayu dalam Pelbagai Perspektif* oleh Kamariah Kamarudin memperlihatkan kandungan buku yang menawarkan ilmu pengetahuan tentang kesusasteraan Melayu dari aspek pendidikan, sastera Islam dan sastera popular. Walau bagaimanapun makalah dalam buku ini kelihatan seperti tidak seimbang pembahagiannya, iaitu Bahagian 1 mempunyai enam bab, Bahagian 2 mempunyai empat bab, manakala bahagian 3 hanya mempunyai 3 bab. Jurang perbezaan tersebut sangat ketara dan seharusnya diberi perhatian oleh penulis buku ini pada masa akan datang sebagai cadangan penambahbaikan.

Akhirnya, didapati bahawa kajian-kajian terhadap novel-novel Melayu sewajarnya diangkat menerusi perspektif Islam dalam usaha mengangkat martabat dan nilai Islam dalam masyarakat pada hari ini. Khusus bagi masyarakat sastera yang penulis dan pembacanya rata-rata beragama Islam, nilai Islam dan nilai pendidikan sangat penting dan berkait rapat antara satu sama lain. Kedua-dua nilai ini sewajarnya dijadikan teras utama dalam pengkaryaan agar dapat dihayati dan dipelajari oleh khalayak. Nilai Islam dan pendidikan dilihat sangat penting bagi

menyampaikan mesej dan pengajaran yang berkesan terhadap masyarakat di negara ini. Seiring kajian tersebut, buku ini juga meneliti novel-novel popular, dengan itu menambahkan lagi kajian tentang genre novel popular ini, memandangkan novel-novel popular sebegini kurang mendapat perhatian dalam kalangan sarjana. Novel popular juga sewajarnya dikaji agar penambahbaikan terhadap karya ini dapat dilakukan oleh penulis dan penerbit dari semasa ke semasa. Oleh yang demikian, buku ini menyajikan bahan ilmu yang bermanfaat seiring dengan skop kesusasteraan Melayu yang semakin melebar dan meluas pada hari ini.

Tengku Intan Marlina Tengku Mohd Ali
Jabatan Kesusasteraan Melayu
Akademi Pengajian Melayu
Universiti Malaya
Kuala Lumpur
inmarlin@um.edu.my